



---

**GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR KE  
KAMPUS BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SECARA BERSEMUKA (KOMPONEN PRAKTIKAL)  
SESI 1 2021/2022**

---

**5 OKTOBER 2021**

**GARIS PANDUAN**  
**KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS PKS**  
**BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA**  
**(KOMPONEN PRAKTIKAL) SESI 1 2021/2022**

**1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Kemasukan Pelajar ke Kampus PKS bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka (Komponen Praktikal) Sesi 1 2021/2022 ini bertujuan menerangkan dengan lebih jelas langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar dan pegawai Politeknik Kuching Sarawak (PKS) bagi pengurusan kemasukan pelajar Sesi 1 2021/2022 ke kampus PKS.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Kemasukan pelajar ke kampus PKS adalah merujuk kepada Sesi Libat Urus Kemasukan Pelajar ke Kampus Oktober 2021 Bil. 2 / 2021 membenarkan pelajar berkeperluan kembali ke kampus secara fizikal bermula 6 November 2021 bagi mengikuti PdP secara hibrid iaitu secara fizikal (bersemuka) bagi komponen praktikal dan teori secara dalam talian.

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) prihatin dan menyedari kepentingan dalam memastikan keperluan program pengajian pelajar berjalan dengan sempurna walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, kemasukan pelajar PKS ke kampus bagi melaksanakan PdP secara bersemuka untuk komponen praktikal akan dibuat secara berperingkat mengikut tarikh yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, **Garis Panduan Pengurusan Kemasukan ke Kampus dan Pengurusan Pusat Pengasingan PKS bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka (Komponen Praktikal) Sesi 1 2021 / 2022** disediakan bertujuan memberi panduan tambahan yang lebih berfokus kepada pengoperasian pendaftaran pelajar ke asrama bagi mengekang penularan wabak COVID-19 seiring dengan arahan semasa Kerajaan. Prosedur ini hendaklah dibaca bersama **Garis Panduan Pengurusan Operasi Politeknik Dan Kolej Komuniti Dalam Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara** bertarikh 23 September 2021.

### **3.0 PELAKSANAAN PDP SECARA HIBRID DI DALAM KAMPUS POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

Pelaksanaan PdP secara hibrid di dalam kampus akan dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) dan mengutamakan keselamatan serta kebajikan pelajar sepertimana yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan Operasi Politeknik Dan Kolej Komuniti Dalam Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara** yang telah dikeluarkan pada 23 September 2021. Pelajar yang tidak termasuk dalam kategori pelajar berkeperluan pula akan meneruskan PdP secara dalam talian.

Sebagai langkah mengawal penularan wabak pandemik COVID-19, semua pelajar adalah **WAJIB** untuk menginap di asrama mengikut tarikh yang ditetapkan.

#### **4.0 KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS BAGI SESI PDP SECARA BERSEMUKA (KOMPONEN PRAKTIKAL) (PDP F2F)**

- 4.1 Pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus adalah pelajar yang telah lengkap dos vaksin sepenuhnya dan telah melepasi tempoh keberkesanan 14 hari daripada tarikh penerimaan dos kedua.
- 4.2 Tarikh kemasukan pelajar ke kampus PKS adalah seperti ketetapan berikut :

Pendaftaran asrama : 06 atau 07 Nov 2021

PdP Secara Bersemuka : Bermula 08 Nov 2021

***(Rujuk pengumuman di portal dan media rasmi PKS)***

- 4.3 Kemasukan pelajar ke kampus PKS adalah tertakluk kepada arahan semasa ***Sarawak State Disaster Management Committee (SDMC)*** dan **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)**.

#### **5.0 TATACARA KEMASUKAN PELAJAR DARI LUAR NEGERI SARAWAK (SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN LABUAN)**

- 5.1 Pelajar yang datang dari luar negeri Sarawak adalah tertakluk kepada arahan semasa SDMC dan perlu mendapatkan kebenaran kemasukan ke negeri Sarawak melalui 3 langkah berikut :

5.1.1 Mendapatkan surat kebenaran pergerakan dari balai polis

5.1.2 Melakukan ujian RT-PCR (Keputusan ujian RT-PCR Negatif adalah sah selama 3 hari sahaja)

5.1.3 Mohon kebenaran masuk ke Sarawak melalui enterSarawak di pautan <https://entersarawak.socoe.co/register> di laman sesawang rasmi Sarawak Disaster Management Committee dan melampirkan dokumen seperti di bawah :

5.1.3.1 Keputusan ujian rT-PCR

5.1.3.2 Surat kebenaran pergerakan dari polis di balai polis berdekatan

5.1.3.3 Surat panggilan kemasukan pelajar berkeperluan boleh dicetak melalui portal rasmi PKS mulai tarikh 11 Oktober 2021

5.1.3.4 Salinan kad matrik pelajar

5.2 Pelajar akan terus menjalankan aktiviti PdP Secara Bersemuka seperti dirancang dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

## **6.0 TATACARA KEMASUKAN PELAJAR DARI DALAM NEGERI SARAWAK**

6.1 Pergerakan pelajar ke kampus PKS perlu mematuhi ketetapan oleh SDMC dari semasa ke semasa.

6.2 Pelajar perlu membuat Pengisytiharan Kesihatan dengan mengisi **Borang Pengisytiharan Kesihatan (E-HDFPKS)** (<http://bit.ly/deklarasikesihatanPKS>) secara dalam talian di lawan web rasmi PKS dalam tempoh **12 jam** sebelum pendaftaran ke asrama. Bukti Pengisytiharan Kesihatan yang telah dibuat hendaklah ditunjukkan semasa pendaftaran ke asrama. Borang Pengisytiharan Kesihatan (E-HDFPKS) adalah seperti di **Lampiran A**.

6.3 Sekiranya pelajar mengisytiharkan diri bebas dari simptom Covid-19, pelajar dibenarkan untuk mendaftar ke asrama untuk sesi PdP Secara Bersemuka.

- 6.4 Pelajar yang berstatus *Person Under Investigation (PUI)* dan *Person Under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan untuk kembali ke kampus.
- 6.5 Pelajar dan waris yang mengiring semasa hari pendaftaran hendaklah memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang masa, membersihkan tangan dengan kerap dan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- 6.6 Pelajar dan waris akan melalui saringan suhu dan menunjukkan bukti telah lengkap dos vaksin sepenuhnya di pintu pagar utama PKS.
- 6.7 Hanya pelajar dan waris yang telah lengkap dos vaksin sepenuhnya dan mempunyai bacaan suhu kurang daripada 37.5 C sahaja akan dibenarkan masuk ke kampus.
- 6.8 Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan untuk berada di ruang pendaftaran asrama bagi tujuan pengambilan kunci dan pergerakan masuk ke bilik asrama yang ditetapkan.
- 6.9 Bagi pelajar yang mempunyai simptom Covid-19 seperti demam (suhu lebih daripada 37.5 C), keletihan, batuk, sakit-sakit badan, sakit tekak, sakit kepala dan sesak nafas, mereka perlu menjalani pemeriksaan di pusat kesihatan berhampiran bagi mendapatkan rawatan. Kumpulan pelajar ini tidak dibenarkan mendaftar sehingga disahkan sihat oleh pengamal perubatan.

## **7.0 PENGURUSAN PELAJAR DI ASRAMA (KOLEJ KEDIAMAN SERAPI)**

- 7.1 Pemakaian pelitup muka (*face mask*), membersihkan tangan dengan kerap dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter perlu menjadi amalan para pelajar dan warga kerja bagi mengekang penularan wabak COVID-19.
- 7.2 Pelajar hendaklah menyediakan pelitup muka (*face mask*) dan pencuci tangan sendiri untuk kegunaan harian dan menggunakannya apabila keluar daripada bilik.

- 7.3 Pelajar dilarang berkumpul untuk sebarang aktiviti tanpa kebenaran selepas pendaftaran.
- 7.4 Pelajar tidak dibenarkan untuk membuat **pesanan penghantaran makanan dari luar PKS** seperti (Grabfood, Foodpanda) sepanjang berada di dalam kampus.
- 7.5 Pelajar dinasihatkan agar sentiasa memantau tahap kesihatan sendiri dan melaporkan dengan segera kepada petugas sekiranya mula mengalami sebarang gejala.
- 7.6 Sekiranya pelajar mengalami gejala, pelajar boleh menghubungi, warden, penyelia asrama atau mana-mana pegawai Unit Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan PKS untuk mendapatkan bantuan di klinik berdekatan.
- 7.7 Pelajar **tidak dibenarkan** berkumpul **di bilik rakan atau mana-mana ruang lain.**
- 7.8 Sebarang perubahan peraturan adalah tertakluk kepada arahan SDMC dan Jawatankuasa Khas Covid-19 PKS.
- 7.9 Pelajar perlu memastikan bilik sentiasa dalam keadaan bersih.
- 7.10 Pelajar yang berada di asrama hendaklah sentiasa mempraktikkan konsep 3W iaitu *Wash, Wear and Warn* serta mengelakkan konsep 3S iaitu Sesak, Sempit dan Sembang Dekat.
- 7.11 Pelajar tidak dibenarkan menerima pelawat sepanjang berada di asrama.

## **8.0 TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada **05 Oktober 2021.**

## ELECTRONIC HEALTH DECLARATION FORM POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (E-HDFPKS)

1. Borang Pengisytiharan Kesihatan atas talian ini dinamakan Electronic Health Declaration Form Politeknik Kuching Sarawak (E-HDFPKS).
2. Pelajar yang akan mendaftar bagi menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara Bersemuka (Komponen Praktikal) adalah diwajibkan untuk mengisi borang ini.
3. Link untuk akses kepada borang E-HDFPKS adalah (<http://bit.ly/deklarasikesihatanPKS>)

### E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

E-BORANG INI ADALAH DIWAJIBKAN KEPADA SEMUA INDIVIDU YANG MEMPUNYAI URUSAN DAN AKTIVITI DI DALAM POLITEKNIK KUCHING SARAWAK UNTUK DI ISI DAN DILENGKAPKAN SEBAGAI PEMATUHAN KEPADA SOP DALAM MENCEGAH PENULARAN COVID-19 YANG TELAH DITETAPKAN.

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not [mohdfakrulrazi19@gmail.com](mailto:mohdfakrulrazi19@gmail.com)? [Switch account](#)

**\* Required**

Email address \*

Your email

NAMA PENUH (Seperti dalam Kad Pengenalan) \*

Your answer

JANTINA \*

Choose

TARIKH LAHIR \*

Date

dd/mm/yyyy

NO.KAD PENGENALAN \*

cth : xxxxxx-12-xxxx

Your answer

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)



## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not mohdfakrulrazi19@gmail.com? [Switch account](#)

\* Required

### ALAMAT TERKINI

Alamat dimana Anda tinggal atau menetap sekarang .

### ALAMAT RUMAH \*

NO,KAMPUNG,JALAN,LORONG dll

Your answer

### BANDAR \*

Your answer

### BAHAGIAN \*

Choose

### POSKOD \*

Your answer

### NO. TEL: \*

cth : 0132211222

Your answer

Back

Next

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not mohdfakrulrazi19@gmail.com? [Switch account](#)

\* Required

### REKOD PERGERAKAN KE LUAR NEGARA

PERNAH ANDA BERADA DI NEGARA LAIN UNTUK TEMPOH 30 HARI YANG LALU \*

- YA
- TIDAK

[Back](#)

[Next](#)

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not [mohdfakrulrazi19@gmail.com](mailto:mohdfakrulrazi19@gmail.com)? [Switch account](#)

\* Required

### REKOD PERGERAKAN KE LUAR NEGARA 1

NYATAKAN NEGARA YANG DILAWATI \*

Your answer

PUSAT BANDAR PELEPASAN \*

Cth: London , Perth dll.

Your answer

PUSAT KETIBAAN DALAM NEGERI SARAWAK \*

Cth: Kuching ,Sibu dll.

Your answer

TARIKH KETIBAAN DALAM NEGERI SARAWAK \*

Date

dd/mm/yyyy

[Back](#)

[Next](#)

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not mohdfakrulrazi19@gmail.com? [Switch account](#)

\* Required

---

### REKOD PERGERAKAN DALAM NEGARA

DALAM TEMPOH 14 HARI YANG LALU, ANDA PERNAH BERADA DI NEGERI-NEGERI LAIN SELAIN NEGERI SARAWAK \*

YA  
 TIDAK

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not mohdfakrulrazi19@gmail.com? [Switch account](#)

\* Required

---

### REKOD PERGERAKAN DALAM NEGARA 1

NEGERI YANG DILAWATI \*

Choose

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not mohdfakrulrazi19@gmail.com? [Switch account](#)

\* Required

### MAKLUMAT KESIHATAN

ADAKAH ANDA MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN SEPERTI BERIKUT:- \*

- DARAH TINGGI
- SAKIT JANTUNG
- KENCING MANIS
- ASMA
- TIADA

ADAKAH MEMPUNYAI TANDA-TANDA ATAU GEJALA-GEJALA SEPERTI BERIKUT :- \*

Mohon kerjasama Anda untuk memberikan Maklumat yang tepat dan betul supaya langkah pencegahan dapat di ambil lebih awal

- DEMAM
- SELSEMA
- BATUK-BATUK
- SAKIT TEKAK
- SESAK ATAU SUSAH BERNAFAS
- TIADA

PERNAH MENJALANI UJIAN SARINGAN COVID-19 \*

Sekiranya anda mempunyai sejarah menjalani Ujian saringan Covid-19 ,sila bawa bersama salinan hasil Ujian tersebut bersama ketika pendaftaran ATAU muat naik ke dalam e-borang

- YA
- TIDAK

[Back](#)

[Next](#)

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not mohdfakrulrazi19@gmail.com? [Switch account](#)

\* Required


### SALINAN HASIL UJIAN(JIKA ADA)

SILA MUAT NAIK SALINAN HASIL UJIAN

 Add file

### TARIKH UJIAN \*

Date



[Back](#)

[Next](#)

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

## E-BORANG DEKLARASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form.

Not [mohdfakrulrazi19@gmail.com](mailto:mohdfakrulrazi19@gmail.com)? [Switch account](#)

\* Required

### MAKLUMAT UNTUK KECEMASAN

Individu yang boleh dihubungi jika berlaku kecemasan

NAMA \*

Your answer

HUBUNGAN \*

Your answer

NO.TEL : \*

Your answer

.PENGESEAHAN DAN PERSETUJUAN \*

DENGAN INI SAYA MENGAKU TELAH MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG BETUL DAN TEPAT SEPERTIMANA YANG DIPERLUKAN DALAM DEKLARASI KESIHATAN DIRI SAYA DAN KEBERADAAN DIRI SAYA PADA MASA DAN TEMPAT YANG TELAH DI NYATAKAN DI DALAM E- BORANG DEKLARASI KESIHATAN & KESELAMATAN .SEBARANG PEMALSUAN MAKLUMAT YANG MEMBERIKAN KESAN KEPADA SAYA MAHUPUN INSTITUSI ADALAH DIBAWAH TANGGUNG JAWAB SAYA SEPENUHNYA .SAYA DAN SESIAPA SAHAJA YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN DIRI SAYA BERSETUJU UNTUK TIDAK AKAN MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN TERHADAP INSTITUSI ( POLITEKNIK KUCHING SARAWAK) DAN SAYA MEMAHAMI SEMUA SYARAT DAN TERMA YANG TELAH DITETAPKAN .

BERSETUJU

[Back](#)

[Submit](#)